

(25 April 2022) - Hm, P8

Dua lokasi beli-belah sesak pengunjung

Kuala Lumpur: Menjelang 10 hari sambutan Hari Raya Aidilfitri, orang ramai mendapati mula membanjiri pusat beli-belah di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman (Jalan TAR) dan Bukit Bintang.

Tinjauan semalam mendapati kedua-dua kawasan itu yang menjadi syurga beli-belah penduduk Lembah Klang sesak sejak pagi dengan kebanyakan pengunjung membeli barang keperluan raya.

Trafik menghala Jalan TAR, Jalan Sultan Sulaiman, Jalan Raja Laut, Jalan Bunus, Jalan Munshi Abdullah, Jalan Dang Wangi dan Jalan



SHAHRUL Azmi

Bukit Bintang juga padat dengan kenderaan.

Pegawai dan anggota penguat kuasa membabitkan

Polis Dang Wangi, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dilihat mengawal keselamatan.

Seorang pengunjung, Shahrul Azmi Razali, 34, yang ditemui berkata, dia keluar dari rumahnya di Bukit Beruntung, Selangor sejak jam 9 pagi untuk membeli-belah di Jalan TAR.

“Saya datang bersama keluarga mentua yang tiba dari Bintulu, Sarawak untuk membeli barang keperluan raya dan datang hari ini kerana cuti hujung minggu.

“Memang sesak namun gembira dapat membeli apa

yang patut,” katanya.

Bagi Md Jar Seman, 58, pula, dia sekeluarga membeli-belah di kawasan berkenaan kerana mudah dan mempunyai banyak pilihan.

“Sebelum ini, saya tidak sempat membawa keluarga untuk membeli-belah keperluan raya kerana belum ada wang mencukupi.

“Bila sudah ada wang, saya bawa mereka ke sini kerana ada banyak pilihan dan keluar rumah pagi-pagi bagi mengelak sesak,” katanya.

• Peniaga barang terpakai itu memberitahu dia keluar dari rumahnya di Serendah pada jam 8 pagi lagi.